

## KERATAN AKHBAR ONLINE

JUDUL : BERITA HARIAN

TARIKH : 4 September 2023

SITASI :

M/S : 22

Mohamed Yunus, N. (2023, September 4). USIM, PNM jayakan program pulihara manuskrip. *Berita Harian*, p. 22.



22

### Pendidikan

# USIM, PNM jayakan program pulihara manuskrip

Program tiga minggu dikendali tenaga pakar dari Malaysia, Turkiye dan Thailand

Oleh Noorumainah  
Mohamed Yunus  
bhpendidikan@bh.com.my

**Nilai:** Usaha memelihara kahanan manuskrip Melayu tidak hanya terbatas kepada Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) sahaja, sebaliknya universiti awam (UA) juga boleh membantu menjayakannya.

Menyedari hal itu Institut Sains Islam (ISS) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan kerjasama PNM menganjurkan Program Pensijilan Profesional Konservasi Manuskrip Melayu bertujuan memberi pendidikan dan kefahaman secara intensif.

Program yang berlangsung sejak awal Julai itu mengambil masa seminggu di USIM dan dua minggu di PNM menghimpunkan 50 peserta daripada kalangan mahasiswa UA.

Dekan ISS, Prof Madya Dr Az-



Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa USIM, Prof Dr Mohd Radhi Ibrahim merasmikan Majlis Penutup Program Pensijilan Profesional Konservasi Manuskrip Melayu.

man Hashim, berkata program peringkat sijil itu bertujuan untuk memberikan kefahaman secara intensif profesion kurator, melatih peserta mengenai skop, bidang tugas dan gerak kerja berkaitan pemuliharaan serta pemeliharaan naskhah manuskrip.

"Ia juga diharap dapat melahirkan kurator yang mampu menyokong dan memenuhi keperluan pasaran industri dari aspek pemuliharaan juga pemeliharaan warisan negara di Malaysia.

"Seterusnya, ia mampu memberikan nilai tambah kepada peserta kerana Sijil Profesional Kurator ini diiktiraf oleh industri berkaitan pemuliharaan warisan sepe-

ti arkib, galeri seni dan muzium," katanya.

#### Jalan kajian manuskrip PNM

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah PNM, Edy Irwan Zulkaffli, berkata kerjasama USIM dan PNM adalah kesinambungan daripada kesepakatan sebelum ini.

Katanya, sebelum ini penyelidik USIM sudah melakukan banyak kajian manuskrip yang disimpan di PNM.

"Beberapa buah penerbitan sudah pun diterbitkan PNM. Untuk program kali ini, tenaga pengajarannya adalah pakar dalam bidang manuskrip daripada Thailand, Turkiye dan Malaysia," katanya.